

## **TRANSKRIP SIDANG MEDIA YAB TPM DAN MENTERI KKDW**

**22 FEBRUARI 2024**

Alhamdulillah, lawatan ini apabila saya dibantu oleh Kementerian Luar, dibantu oleh Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo dan juga dibantu oleh pelbagai jabatan dan agensi daripada Malaysia, di samping rakan-rakan yang mengikuti saya. Perkara yang kita pelajari ialah sebenarnya terlalu banyak. Perkara ilmu terutamanya dari segi TVET yang kita lihat di Jepun ini terlalu advance. Mereka umpamanya melalui institusi KOSEN, iaitu mengintegrasikan sistem TVET ini sejak 35 tahun yang lalu dan mereka jadikan institusi TVET KOSEN ini sebagai sebuah institusi profesional dan mereka dapat bahawa TVET di Jepun ini bukan sebagai pilihan kedua, tetapi adalah pilihan pertama. Malah lulusan daripada TVET di Jepun ini memperolehi tawaran pekerjaan sehingga daripada 20 syarikat dan mereka memperolehi tawaran gaji yang lebih tinggi daripada lain-lain bidang.

Tambahan pula, kita lihat dalam bidang teknikal dan latihan vokasional ini kita telah memulakan langkah baru dengan mengintegrasikan seluruh 1345 institusi TVET ini untuk diselaraskan dari segi tawaran kursus dan juga tempat melalui sistem permohonan yang diintegrasikan sama dengan unit pusat universiti. Tapi ini adalah unit pusat TVET supaya kita dapat halakan mereka mengikut pilihan kursus yang dibuat oleh mereka. Dan kita juga berazam untuk menghantar lebih ramai pelajar-pelajar TVET ini ke Jepun kerana kita dapat tawaran untuk pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran di sini, terutamanya daripada UniKL dan juga universiti-universiti MTUN untuk menghantar pelajar-pelajar ke Jepun dan juga melakukan "exchange" program pertukaran pelajar supaya pendedahan diperolehi daripada lawatan ini, begitu juga pada Jepun yang datang ke Malaysia.

Apa yang lebih penting sebenarnya ialah kita dapat bahawa komitmen daripada kerajaan Jepun, hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Disember yang lalu, bagi mempertingkatkan hubungan diplomatik Malaysia ke satu tahap CSP yang "strategic partnership" antara Jepun dan Malaysia dan ini saya lakukan tindakan susulan hanya kira-kira sebulan setengah daripada lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka amat menghargai lawatan susulan yang saya lakukan ini dengan beberapa tindakan dalam bidang halal, dalam bidang TVET di dalam bidang "disaster management" bencana negara yang kita lihat kecanggihan sistem itu sejak 45 tahun yang lalu dan ini tiga bidang utama selain daripada saya menyantuni keberadaan rakyat Malaysia yang berada di Jepun, begitu juga, Saya menyantuni pelajar-pelajar tajaan MARA, JPA dan pelajar persendirian, tajaan pelbagai syarikat dan ini amat dihargai oleh rakyat Malaysia dan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Jepun.